



# Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

**Seksyen Media**  
**Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**

**Tel : 03-2617 9812 Faks : 03-2694 1373**

**e-mail : [akhbar@dbkl.gov.my](mailto:akhbar@dbkl.gov.my)**

( )dlm.DBKL / UKK / 04/ 1-4

## **MAKLUMBALAS MEDIA**

Pengarang

Surat kepada Pengarang

Utusan Malaysia

### **Restoran 'melampau': DBKL harus peka**

Kami merujuk kepada surat dari ROBINHOOD, Gombak, Kuala Lumpur bertarikh 18 November 2009 dan ingin mengucapkan terima kasih diatas keprihatinan beliau terhadap isu ini.

DBKL maklum mengenai isu kerusi meja diletakkan di kaki lima dan tempat meletak kenderaan di hadapan premis. Dari Januari hingga Oktober 2009, sebanyak 4,065 tindakan sita telah diambil terhadap premis di Kuala Lumpur yang melibatkan 4,552 meja, 14,018 kerusi dan 12,259 peralatan-peralatan yang lain.

Mengenai beberapa restoran mamak di Medan Idaman, Gombak, DBKL akan menjalankan tindakan penguatkuasaan setelah notis peringatan diberikan kepada pemilik restoran dalam masa terdekat.

DBKL menggesa semua pemilik restoran supaya tidak mementingkan diri sendiri serta hanya memikirkan keuntungan semata-mata. Pemilik restoran tidak seharusnya meletakkan kerusi meja di kaki lima malahan di kawasan meletak kereta di hadapan restoran kerana ini akan menyusahkan orang ramai.

Sekian.

**ANWAR BIN MOHD ZAIN**

Pengurus Komunikasi Korporat

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

23 November 2009

6 Zulhijjah 1430H